

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



ICOPM3: Tawar hadiah AS\$1.13 juta

► MUKA 3

Sektor komoditi sumbang RM122b

► MUKA 4



Geran RM50 juta bantu tingkat kualiti minyak sawit

➔ Penyelidikan berterusan jamin keselamatan makanan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan menyediakan geran RM50 juta bagi membantu pihak industri mengatasi masalah berkaitan keselamatan makanan termasuk mengurangkan tahap bahan cemar dalam minyak sawit.

“Walau bagaimanapun, saya beri jaminan bahawa minyak

sawit dan produk berkaitan adalah selamat untuk digunakan sebagai bahan makanan,” kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Katanya, Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar utama dan pengeksporth minyak sawit akan terus mengambil langkah perlu untuk menangani keselamatan makanan minyak sawit.

“Sempena 100 tahun pengkomersialan penanaman sawit di Malaysia, kerajaan akan terus memantapkan usaha untuk

meningkatkan kualiti dan keselamatan produk minyak sawit sebagai bahan makanan.

Terbuka kepada semua kilang

“Setakat ini, kerajaan tidak menetapkan sebarang kaedah bagaimana pihak industri boleh mendapatkan geran berkenaan, namun ia terbuka kepada semua kilang dan kilang penapis yang bekerjasama menjalankan kajian untuk meningkatkan lagi kualiti minyak sawit,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Global Palm and

Lauric Oils Conference (POC) 2017 anjuran Bursa Malaysia, di sini.

Menurutnya, Malaysia akan meneruskan pensijilan mandatori bagi memastikan penghasilan minyak sawit yang diperakui mampan sebagaimana dalam rangka kerja pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia.

“Ia antara langkah yang perlu diambil bagi memastikan isu keselamatan makanan berkaitan minyak sawit dapat diketengahkan sesuai dengan imej Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksporth utama minyak sawit dunia.

“Ia dilaksanakan secara sukarela sejak dua tahun lalu dan akan dijalankan secara mandatori secara berperingkat mulai 31 Disember 2018,” katanya.

Terus sebar maklumat

Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia akan terus menyebarkan maklumat mengenai manfaat pemakanan minyak sawit. Ini adalah untuk menghapuskan tuduhan negatif dan tidak berasas terhadap minyak sawit.

“Selain itu, kami akan terus menjalankan aktiviti penyelidikan untuk menghasilkan produk berasaskan sawit yang mempunyai lebih nilai tambah dan memperkenalkannya hingga ke peringkat global.

Katanya, penemuan dan data yang berkaitan akan dikongsi dengan negara-negara pengimport utama untuk menggalakkan lagi penggunaan minyak sawit Malaysia.

Dalam konteks ini, Malaysia menubuhkan pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan pejabat Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) di negara-negara pengimport utama untuk melaksanakan penyebaran maklumat berkaitan kebaikan dan khasiat sawit. Pada masa ini, MPOB dan MPOC mempunyai lebih 10 pejabat di seluruh dunia, termasuk di Amerika Syarikat, Eropah, Afrika Selatan, Pakistan, China dan India.

Selain aktiviti promosi, pejabat MPOB khususnya turut menjalankan penyelidikan untuk penghasilan produk berasaskan sawit bagi pasaran negara tertentu. Ini termasuk nasihat teknikal dalam penggunaan produk berasaskan sawit dalam pembuatan produk siap.

Malaysia bantah usul diskriminasi sawit oleh EU



Datuk Seri Mah Siew Keong beramah mesra dengan Ahli Parlimen EU yang menemui beliau sempena lawatan ke Malaysia bagi mempelajari mengenai sawit, baru-baru ini

Industri sawit negara yang telah menjangkau 100 tahun penanaman secara komersial berperanan penting membekal minyak sayuran ke pasaran dunia. Sebagai produk makanan yang dieksport ke lebih 150 buah negara, jaminan kualiti dan keselamatan sebagai sumber utama makanan menjadi keutamaan negara.

Malaysia telah melalui perjalanan panjang sebagai pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit mampan, berkualiti dan selamat untuk pemakanan sejagat. Jaminan kualiti minyak sawit sentiasa diberi keutamaan termasuk melalui kecekapan pengilangan dan pemprosesan bagi mempertingkatkan kualiti minyak sawit dan produk keluarannya.



MINDA
Dr Ahmad
Kushairi Din

Ketua Pengarah
MPOB

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong telah mengumumkan geran berjumlah RM50 juta bagi MPOB dan penggiat industri menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan kualiti minyak sawit.

Bagi memastikan jaminan keselamatan minyak sawit dalam pemakanan dan imej Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport minyak sawit berkualiti, antara langkah dilaksanakan termasuk pensijilan mandatori Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang

menepati standard antarabangsa dan diterima oleh negara-negara pengguna.

Pensijilan MSPO dilaksanakan secara sukarela oleh pihak industri sejak dua tahun lalu. Kerajaan telah menetapkan pelaksanaannya secara mandatori yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai Disember 2018. Pensijilan MSPO secara mandatori membabitkan sektor pekebun kecil sawit akan dilaksanakan pada hujung tahun 2019.

MPOB akan mengadakan sesi konsultasi dengan pekebun kecil bagi memberi penerangan mengenai kepentingan pelaksanaan MSPO di samping penyediaan insentif bagi membantu pekebun kecil memenuhi syarat-syarat pelaksanaan MSPO.

Bagi membantu pekebun kecil sawit meningkatkan produktiviti melalui Amalan Pertanian Baik (GAP) dan peningkatan pendapatan, Kerajaan melalui MPOB menyediakan bantuan kepada pekebun kecil.

Sejajar usaha meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit, Kerajaan menyediakan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITa) dan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe).

Peningkatan pendapatan pekebun kecil juga melibatkan galakan penyertaan dalam gerakan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Penubuhan KPSM bertujuan menyatukan pekebun kecil bagi menjalankan aktiviti pengeluaran hasil, perolehan input dan jualan buah sawit secara berkelompok terus ke kilang.

Kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM1.2 juta yang melibatkan peruntukan sebanyak RM40,000 bagi penubuhan sebuah KPSM. Sehingga kini, 36 KPSM telah ditubuhkan di seluruh negara. Sejumlah 20 KPSM telah melaksanakan jualan buah sawit terus ke kilang dan mencatatkan peningkatan harga jualan RM25 bagi setiap tan berbanding jualan melalui orang tengah.

Pekebun kecil boleh berhubung dengan pejabat MPOB di seluruh negara bagi mendapatkan maklumat bantuan kerajaan dan khidmat nasihat. Pekebun kecil disarankan sentiasa berhubung dengan Pegawai TUNAS MPOB bagi mendapatkan maklumat terkini dan khidmat nasihat penanaman sawit untuk meningkatkan pengeluaran hasil sawit mereka.

kushairi@mpob.gov.my

Malaysia bekerjasama dengan Indonesia halang usaha kaitkan industri sawit dengan kemusnahan hutan tropika

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

Putrajaya

Malaysia bekerjasama dengan Indonesia di bawah panji Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) bagi menentang cadangan usul Kesatuan Eropah (EU) untuk melabelkan produk sawit dan mengaitkan industri itu dengan kemusnahan hutan tropika.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, berkata ini adalah satu daripada strategi untuk membentangkan kes Malaysia dan menjelaskan kepada EU mengenai pembangunan mampan industri sawit di negara ini dan peranannya dalam membasmi kemiskinan serta menyumbang kepada ekonomi negara.

"Kementerian akan terus berbincang dengan pihak berkepentingan di EU mengenai perkara ini di samping terus melaksanakan inisiatif sedia ada seperti menganjurkan lawatan ke ladang sawit untuk Ahli Parlimen EU sebagai usaha mendidik

mereka mengenai amalan mampan industri sawit Malaysia," beliau berkata dalam satu kenyataan akhbar.

Patuhi perundangan

Mah berkata industri sawit di Malaysia adalah satu daripada industri yang dikawal ketat dengan pelbagai perundangan dan ia mematuhi amalan kemampanan dalam pembangunannya.

Sehubungan ini, Malaysia melaksanakan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sejak awal 2015 untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan.

MSPO berdasarkan pematuhan kepada undang-undang tempatan termasuk pembangunan dan pengurusan penanaman sawit yang mematuhi amalan pertanian dan alam sekitar terbaik.

Sehingga akhir Januari 2017, sejumlah 221,548.14 hektar telah mendapat pensijilan MSPO. Skim MSPO akan dijadikan mandatori pada Disember 2019 dan ia adalah satu langkah ke arah mewujudkan sistem kemampanan yang diterima oleh sistem pensijilan antarabangsa.

"Untuk minyak sawit Malaysia, visi kami adalah produk berasaskan sawit negara ini akan diterima kerana dihasilkan melalui sumber dan proses yang mampan dengan dengan logo pensijilan MSPO," tambah Mah.

Mah berkata Malaysia membantah secara keras cadangan resolusi Parlimen EU kerana ia akan membawa kesan negatif kepada import minyak dan produk sawit ke Eropah.

Pada masa ini EU adalah pasaran terbesar untuk minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia. Tahun lalu, import minyak sawit dan barangan berasaskan sawit ke EU adalah bernilai RM10 bilion.



Kementerian akan terus berbincang dengan pihak berkepentingan di EU mengenai perkara ini di samping terus melaksanakan inisiatif sedia ada seperti menganjurkan lawatan ke ladang sawit untuk Ahli Parlimen EU sebagai usaha mendidik mereka mengenai amalan mampan industri sawit Malaysia"

Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi

ICOPM3: Tawar hadiah AS\$1.13 juta

➔ Pertandingan reka cipta mekanisasi ladang langkah atasi masalah, tingkat produktiviti sawit

Hadiah Utama **AS\$1 juta**

Kategori penuaian	» Pertama: AS\$25,000.00
	» Kedua: AS\$15,000.00
	» Ketiga: AS\$10,000.00
Kategori pemungutan buah sawit relai	» Pertama: AS\$25,000.00
	» Kedua: AS\$15,000.00
	» Ketiga: AS\$10,000.00
Kategori pemunggahan buah tandan segar	» Pertama: AS\$20,000.00
	» Kedua: AS\$10,000.00

GRAFIK BH



Datuk Seri Mah Siew Keong ketika mengumumkan pengumuman ICOPM3.

Oleh **Mohd Ramdhan Mohd Khalid**
ramdhan@mpob.gov.my

Kekurangan tenaga buruh terus menjadi masalah utama dalam pembangunan industri minyak sawit Malaysia terutamanya dalam sektor perladangan.

Pergantungan yang berterusan kepada tenaga buruh tidak mahir telah menjejaskan keberkesanan pengurusan ladang, tahap produktiviti, kualiti buah sawit yang dituai dan seterusnya kadar perahahan minyak yang diperolehi.

Oleh itu, penggunaan teknologi baharu amat diharapkan bagi mengurangkan kos pengeluaran dan tenaga buruh. Di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit, kerajaan menasaskan pengurangan jumlah buruh asing di sektor sawit seramai 110,000 orang menjelang tahun 2020.

Salah satu cara bagi mencapai matlamat ini adalah melalui penggunaan kaedah mekanisasi.

Kormesialkan teknologi

Lebih 35 teknologi berkaitan mekanisasi berjaya dibangunkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan ada antaranya berjaya dikomersialkan.

Penghasilan teknologi mekanisasi adalah bermatlamat untuk meningkatkan produktiviti serta mengurangkan penggunaan tenaga buruh dan kos pengeluaran.

Namun begitu, masih banyak lagi ruang dan peluang untuk menghasilkan jentera yang lebih efektif dari segi produktiviti dan juga kos untuk kegunaan industri sawit.

MPOB memainkan peranan dengan menganjurkan Pertandingan Mekanisasi Ladang Sawit Antarabangsa (International Competition on Oil Palm Mec-

hanisation - ICOPM).

ICOPM yang dianjurkan sejak 2014, muncul untuk kali ketiga pada tahun ini sebagai kesinambungan usaha meningkatkan tahap mekanisasi ladang sawit di Malaysia.

ICOPM3 dianjurkan sempena sambutan 100 tahun industri sawit Malaysia tahun ini, menawarkan hadiah lumayan berjumlah AS\$ 1.13 juta.

Pelancaran ICOPM3 diumumkan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Penyertaan ICOPM3 telah dibuka mulai 22 Mac 2017 dan tarikh akhir penerimaan borang penyertaan secara atas talian adalah pada 12 Mei 2017.

ICOPM merupakan satu cabaran kepada pencipta inovasi dan teknologi seluruh dunia untuk menghasilkan jentera yang boleh digunakan di ladang sawit untuk meningkatkan produktiviti pekerja.

Tujuan dan objektif:

- Mencari idea-idea baharu dan membangunkan teknologi yang praktikal serta kos efektif bagi aktiviti berkaitan penuaian tandan, pemungutan buah sawit relai dan pemunggahan buah tandan segar (BTS).

- Meningkatkan tahap pengkomersialan serta penggunaan teknologi atau produk inovasi berkaitan mekanisasi ladang.

- Meningkatkan kesedaran dan menjana idea baharu dan inovatif daripada pihak industri, universiti dan institusi penyelidikan tempatan dan luar negara bagi membangunkan lagi sektor perladangan sawit.

Impak

- Meningkatkan produktiviti hasil sawit dan pekerja melalui reka cipta inovasi teknologi mekanisasi ladang sawit.

- Mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing me-

lalui inovasi.

- Menggalakkan budaya inovasi di kalangan masyarakat.

- Mengurangkan kos pengeluaran dan tenaga buruh.

- Industri sawit negara akan mempunyai harta intelek untuk produk-produk bernilai tinggi yang dapat dikomersialkan.

- Penghasilan produk-produk bernilai tinggi ini juga dapat menjamin kelestarian dan daya saing industri sawit negara.

Tarik penyertaan pelbagai negara

Bagi dua edisi terdahulu, ICOPM berjaya menarik penyertaan dari negara luar seperti Jepun, Sweden, Indonesia dan United Kingdom.

Pertandingan ini dimulakan dengan penilaian ke atas cadangan reka bentuk konsep dan diikuti oleh sesi pembentangan cadangan oleh peserta di Peringkat Kedua Penilaian.

Peserta yang dipilih ke Peringkat Akhir akan ditawarkan dengan tuntutan geran sehingga RM90,000 untuk menghasilkan prototaip ciptaan yang berfungsi dalam tempoh yang ditetapkan.

Panel penilai yang terdiri daripada pakar-pakar di dalam bidang berkaitan akan membuat penilaian sesuatu produk ciptaan dari aspek kebolehfungsian, praktikal, potensi untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos bagi membolehkan teknologi tersebut dapat dikomersialkan.

Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua individu atau kumpulan dari dalam dan luar negara seperti pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, institusi penyelidikan, syarikat pembuat dan pengeluar jentera serta individu yang berminat dalam penghasilan produk inovasi.

Sila layari laman sesawang www.mpob.gov.my/icopm untuk mengisi borang penyertaan dan maklumat lanjut.

100th ANNIVERSARY
MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY 1917-2017

ICOPM
INTERNATIONAL COMPETITION ON OIL PALM MECHANISATION

USD 1,000,000 Grand Prize

Plus **USD 130,000** other prizes

ELIGIBILITY
Individual, team, companies, National and International

ENQUIRIES
Entry forms are available at : www.mpob.gov.my/ICOPM

CATEGORIES :

- Harvesting
- Loose Fruit Collection
- Fresh Fruit
- Branch Evacuation

12 May 2017

Contact persons:
Abd Rahim Shuib
Mohd Ramdhan Mohd Khalid

Sektor komoditi sumbang RM122b

➔ Meningkatkan 4.20 peratus berbanding tahun 2015

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Sungai Buluh

Sektor komoditi dan produk berasaskan komoditi menyumbang RM122 bilion kepada pendapatan negara pada 2016, meningkat sebanyak 4.20 peratus berbanding tahun 2015.

“Sektor komoditi juga menyumbang 15.52 peratus jumlah eksport barangan bagi tahun 2016”, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong dalam ucapannya yang dibaca oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur pada perhimpunan bulanan kementerian itu, di sini baru-baru ini.

Katanya, laporan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2016 menyatakan pengeluaran komoditi negara seperti kenaf (batang kering), buah tandan segar (kelapa sawit) dan getah asli masing-masing menunjukkan peningkatan pengeluaran 4.0 ribu tan metrik (52.6%), 2,277.3 ribu tan metrik (2.4%) dan 53.5 ribu tan



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur bergambar dengan Ketua Pengarah agensi di bawah MPIC yang menerima sijil kecemerlangan projek pembangunan.

metrik (8.0%) pada 2015.

“Jelaslah bahawa sektor komoditi bukanlah ‘sunset industry’, malah sektor ini adalah peneraju kepada nilai pendapatan dan kekayaan negara pada masa depan serta ditunjangi oleh sektor komoditi yang lebih moden, kompetitif dan mampan.

Malaysia ada sumber diperlu

“Malaysia mempunyai semua sumber yang diperlukan seperti tanah yang subur, cuaca yang sesuai dan saya rasa kelebihan ini tidak terdapat di banyak tempat di dunia bagi pengkomersialan industri sawit dan getah.

“Kita harus mengambil pelu-

ang ini untuk terus memperkasakan industri komoditi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hub komoditi yang terbesar di dunia dan saya yakin kita mampu mencapainya”, katanya.

Katanya, adalah penting untuk memperkasakan program inovasi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) supaya negara dapat menghasilkan produk berasaskan komoditi yang berdaya maju dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Majlis yang bertemakan ‘#Negeraku: Bersama Mentransformasi Komoditi Negara’ itu turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan oleh Datuk Datu Nasrun

kepada Ketua Pengarah Agensi di bawah MPIC bagi kecemerlangan dalam pencapaian ‘outcome’ projek/program pembangunan yang dinilai oleh Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

MPIC berjaya mendapat kedudukan keenam daripada semua kementerian bagi pencapaian ‘outcome’ projek pembangunannya. Lima projek di bawah RMK10 mendapat keputusan cemerlang dengan pencapaian sebanyak 91.4 peratus meningkat daripada pencapaian pada tahun 2015 iaitu sebanyak 88.3 peratus.

Fakta nombor

Nilai eksport komoditi 2016

RM67.58 BILION

Sawit

RM24.79 BILION

Getah

RM21.86 BILION

Kayu-kayan

RM5.74 BILION

Koko

RM1.53 BILION

Tembakau

RM0.49 BILION

Lada

MPOB tingkat penyelidikan biodiversiti Sarawak

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Belaga: Stesen Penyelidikan MPOB Belaga yang dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) memberi fokus kepada penyelidikan biodiversiti, flora dan fauna serta penanaman sawit di tanah mineral.

Stesen penyelidikan yang dibangunkan dengan peruntukan berjumlah RM3.54 juta itu turut menempatkan projek model integrasi tanaman dan ternakan dengan keluasan 14.4 hektar.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur ketika berucap di majlis perasmian stesen itu berkata, Stesen Penyelidikan MPOB Belaga turut mempunyai kawasan simpanan hutan semula jadi seluas 200 hektar yang dikekalkan bagi lokasi para penyelidik MPOB dan agensi luar menjalankan kajian biodiversiti serta persampelan tanah dan air sungai.

“Usaha ini akan meningkatkan maklumat saintifik mengenai penanaman sawit dan kelestarian alam sekitar bagi menangkis toh-

mahan badan bukan kerajaan (NGO) di barat yang mengaitkan penanaman sawit dengan kemusnahan hutan dan hidupan liar.

Katanya, kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi pelaksanaan projek pembangunan termasuk bagi sektor sawit.

“Ini melibatkan projek pembangunan infrastruktur bagi pembinaan pejabat, stesen dan makmal penyelidikan serta penyediaan kemudahan latihan bagi pembangunan modal insan dalam industri sawit.

MPOB turut membangunkan stesen penyelidikan dan pejabat lain di Sarawak yang terletak di Sessang, Kuching, Bintulu dan Miri serta pejabat TUNAS di beberapa lokasi yang padat dengan tanaman sawit.

Komitmen kerajaan

Katanya, pelaksanaan projek pembangunan dan latihan adalah bukti kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk memastikan kemajuan industri sawit yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, kesejahteraan rakyat dan kemajuan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar.



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur menyampaikan kupon bantuan kepada pekebun kecil sawit sempena perasmian Stesen Penyelidikan MPOB Belaga, Sarawak.

“Perancangan strategik Kerajaan dalam membangunkan industri sawit dan sokongan pihak industri telah membawa kepada kemajuan pesat industri sawit negara.

Katanya, Kementerian bersama MPOB turut memberi perhatian terhadap usaha memperkasakan pekebun kecil sawit ke arah me-

ningkatkan pengeluaran hasil dan pendapatan.

“Usaha ini adalah sejajar dengan pelaksanaan transformasi sektor pekebun kecil melalui Amalan Pertanian Baik dan pengeluaran mampan yang bertujuan meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Majlis perasmian Stesen Penye-

lidikan MPOB Belaga turut dihadiri Ahli Parlimen Hulu Rajang, Wilson Ugak Anak Kumbong; Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Zurinah Pawanteh dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.

Ekspedisi biodiesel B10 rentasi Borneo

➔ **Bukti B10** bahan api sesuai untuk kenderaan dan mesra alam

Oleh Fadzil Ghazali

Belaga

Ekspedisi kenderaan 4x4 menggunakan biodiesel B10 iaitu adunan 10% diesel sawit dan 90% diesel petroleum merentasi jarak sejauh 1,060km bermula dari Belaga, Sarawak, melalui Brunei dan berakhir di Kundasang, Sabah berjalan dengan jaya tanpa masalah kepada enjin kesemua kenderaan.

Ekspedisi anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bertujuan untuk membuktikan bahawa penggunaan B10 sebagai bahan api kenderaan adalah selamat dan lebih mesra alam. Ianya disertai oleh konvoi sebanyak 14 kenderaan 4x4 serta dua lori tangki.

Konvoi kenderaan 4x4 ini dilepaskan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komo-

diti, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur pada 1 Mac 2017 di Stesen Penyelidikan MPOB Belaga bagi perjalanan ke pusat hentian pertama di Miri. Turut hadir di majlis itu, Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Pengerah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

34 peserta

Ekspedisi Bintulu-Kundasang ini disertai seramai 34 peserta termasuk kenderaan milik MPOB, Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Sarawak Oil Palms Berhad (SOP) dan Genting Plantations/SPC Biodiesel Sdn Bhd.

Hari kedua ekspedisi melibatkan rentasan keluar-masuk sempadan Brunei sebanyak lapan kali sebelum berakhir di Lawas yang terletak 392 km daripada Miri. Pada hari ketiga pula, konvoi ekspedisi perlu merentasi perjalanan sejauh 282 km menuju ke pusat peranginan di Kundasang, Sabah yang terletak di kaki Gunung Kinabalu.

Hari keempat dan terakhir ekspedisi merupakan antara sebab utama mengapa ianya dianjurkan. Sebelum ini ada setengah pihak berpendapat bahawa B10 akan membeku pada tahap suhu sejuk dan menyukarkan pembakaran dalam enjin semasa kenderaan di-



Peserta ekspedisi biodiesel B10 yang berjaya mengharungi perjalanan lebih 1,000km

hidupkan. Ternyata sangkaan ini tidak benar kerana kesemua kenderaan ekspedisi berjaya dihidupkan pada pagi itu walaupun suhu di pusat peranginan tersebut mencecah ke tahap 12 darjah Celsius.

Pegawai Penyelidik yang juga Ketua Kumpulan Teknologi Biodiesel MPOB, Dr Harrison Lau yang turut serta dalam ekspedisi itu berkata B10 adalah bahan api lebih bersih

dan efisien berbanding diesel petroleum kerana ia mengurangkan pengeluaran wasap dan bahan toksik.

Penggunaan B10 untuk sektor pengangkutan dijangka dapat menyingkirkan pengeluaran wasap oleh 600,000 kenderaan di jalan raya.

Pengenalan biodiesel sebagai bahan api adalah sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan

biodiesel sebagai sumber bahan api mampan dalam usaha mengurangkan pencemaran karbon monoksida ke atas alam sekitar.

B10 adalah adunan 10% ester metal sawit dan 90% diesel petroleum. Ianya hanya peningkatan sebanyak 3% berbanding dengan adunan B7 yang sedang digunakan secara komersil di seluruh negara pada masa ini.

CIRAD sedia bantu perjas kemampanan sawit

Oleh Siti Nurhajar mariam Wan Jaafar nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: Agricultural Research for Development (CIRAD) meluahkan hasrat untuk bekerjasama dengan MPOB menerusi penyelidikan dalam menangani isu tohmahan negatif berkaitan minyak sawit dan menyampaikan maklumat tepat kepada negara-negara Eropah.

Hasrat berkenaan disuarakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CIRAD Perancis, Dr. Michel Eddi ketika kunjungan beliau ke Ibu Pejabat MPOB, di sini baru-baru ini.

Delegasi lawatan ke MPOB turut disertai wakil CIRAD Indonesia, dan CIRAD Malaysia.

CIRAD adalah sebuah organisasi penyelidikan pertanian Perancis yang berkhidmat untuk pembangunan di Selatan dan kawasan-kawasan di luar negara Perancis dan merupakan badan yang menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi lain di seluruh dunia, termasuk MPOB.

Ketua Pengerah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din ketika pertemuan itu berkata, kunjungan delegasi berkenaan amat bermakna kerana ingin mendapat pencerahan positif mengenai isu kemampanan industri sawit dan isu-isu negatif yang tersebar luas mengenai ko-

moditi utama negara ini.

Beliau menyifatkan pertemuan ini mampu memberi pendedahan khusus mengenai kebaikan sawit di samping memperkenalkan peranan yang digalas MPOB dalam memartabat industri sawit di peringkat global menerusi bidang penyelidikan yang dijalankan.

Perbincangan turut menyentuh isu kemampanan sawit yang tertumpu kepada pelaksanaan MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil) bagi menggantikan RSPO (Roundtable on Sustainable Palm Oil) yang diguna pakai oleh negara pengeluar minyak sawit dunia dalam mengawal kualiti komoditi tersebut.

Pelancaran Pensijilan MSPO

Pelancaran Pensijilan MSPO pada 2014 oleh MPOB merupakan yang ketiga selepas Indonesia yang terlebih dahulu memperkenalkan ISPO (Indonesian Sustainable Palm Oil) pada tahun 2011 bagi mengganti sistem pensijilan sedia ada, RSPO.

Sistem yang diterap RSPO dilihat sebagai satu standard yang membebaskan negara pengeluar terutamanya kepada pekebun kecil dengan kos pensijilan yang tinggi dan syarat-syarat yang sentiasa berubah dalam mencapai standard diluluskan.

MPOB telah diberi mandat oleh kerajaan bagi memperkenalkan sistem pensijilan MSPO yang nyata



Delegasi CIRAD bergambar bersama Dr Ahmad Kushairi Din ketika kunjungan ke Ibu Pejabat MPOB.

lebih mesra kepada pengusaha dan pekebun sawit yang selama ini terikat dengan standard yang bersifat tidak menyeluruh dan sukar dicapai.

MSPO menjanjikan sistem yang telus bagi manfaat pengeluar, pekebun, peniaga, pengguna, dan orang awam.

Dari aspek pensijilan dalam pengeluaran minyak sawit mampan, pada hari ini Malaysia telah menghasilkan minyak sawit yang menepati syarat-syarat digariskan melebihi daripada jumlah perminta-

an di negara-negara Eropah.

Setakat Januari tahun ini, 230 ribu hektar kawasan perladangan sawit di Malaysia telah mendapat pensijilan MSPO.

Dalam pada itu, isu pelabelan 'tanpa minyak sawit' yang tersebar luas di Eropah turut dikupas dalam perbincangan tersebut. Sehingga kini, terdapat kira-kira 1,500 produk dengan label 'tanpa minyak sawit' di Perancis, Belgium dan Itali.

Isu tersebut sering kali dikaitkan dengan penebangan hutan secara

meluas yang dianggap memusnahkan biodiversiti di sesebuah kawasan hutan yang dibuka.

Tanggapan negatif ini turut mendapat perhatian serius oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, apabila mengumumkan Malaysia akan bekerjasama dengan Indonesia untuk berbincang dengan anggota Kesatuan Eropah bagi menangani isu-isu pelabelan tanpa minyak sawit dan tohmahan tanpa bukti kukuh sewaktu lawatan kerja beliau ke Jerman tahun lalu.

Hello Komoditi Teluk Intan tingkat pengetahuan, kesedaran

Program turun padang turut sampaikan bantuan dan sijil kepada pekebun kecil

Oleh FadzilGhazali
afadzilg@mpob.gov.my

Teluk Intan

Program meningkatkan kesedaran umum mengenai komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dikenali Hello Komoditi diadakan di Dewan Bandar Teluk Intan, Perak baru-baru ini berjaya menarik lebih 700 pengunjung.

Program sehari itu dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong dan turut dihadiri Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; ADUN Changkat Jong, Datuk Mohd. Azhar Jamaludin; Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPIC, Zurinah Pawanteh; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MPIC, Toisnin Gantor; dan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Ketika berucap merasmikan program berkenaan, Mah berkata Hello Komoditi adalah program turun padang MPIC

bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terutama pekebun kecil dan usahawan berhubung dengan sektor komoditi.

"Saya menyeru hadirin sekalian untuk memanfaatkan program ini bagi mendapatkan maklumat misalnya, mengenai jenis bantuan dan sokongan yang disediakan oleh kerajaan dalam membantu pekebun kecil dan usahawan komoditi dengan mengunjungi Kaunter Khidmat Nasihat agensi-agensi," tambah beliau.

Sedia peluang pekerjaan

Agensi di bawah MPIC yang turut serta dalam Hello Komoditi Teluk Intan adalah MPOB, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia dan Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara. Agensi terbabit menyediakan kaunter pertanyaan di tapak pameran masing-masing untuk memberi maklumat mengenai peranan dan perkhidmatan yang disediakan.

Mah turut berkata tahun 2017 adalah



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong bersama pekebun kecil dan orang ramai yang menjayakan Program Hello Komoditi TelukIntan, Perak anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Turut hadir ialah Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Zurinah Pawanteh dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.

amat istimewa khususnya untuk industri sawit Malaysia yang akan menyambut ulang tahun ke-100 sawit ditanam secara komersial di negara ini.

"Untuk tempoh 100 tahun yang lalu, industri ini terbukti menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara dengan menyediakan pelbagai peluang pekerjaan, pembangunan aktiviti perindustrian di peringkat hulu, pertengahan dan hiliran serta pelaburan sama ada di dalam dan di luar negara.

"Kementerian akan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi industri sawit ini supaya sumbangannya kepada negara akan terus kekal penting pada masa akan datang," tambah beliau.

Pengunjung Hello Komoditi Teluk Intan turut dimaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu para pengusaha ladang dan pekebun kecil meningkatkan produktiviti masing-masing.

Mah berkata MPIC, melalui MPOB, telah menyediakan Skim Diskaun Cantas, satu alat untuk menuai buah sawit bermotor. Melalui skim ini, pengusaha la-

dang dan pekebun kecil yang layak akan menerima diskaun sebanyak RM1,000 bagi setiap pembelian unit Cantas.

Skim tingkat pendapatan

Kerajaan juga menyediakan Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit dan Skim Integrasi Ternakan dengan Sawit sebagai usaha meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Nilai bantuan integrasi tanaman ialah RM3,000 sehektar manakala bagi integrasi ternakan, induk lembu dan kambing dibekalkan kepada pekebun kecil yang layak.

Sehingga Disember 2016, di Perak sahaja seramai 56 pekebun kecil telah menerima Skim Insentif Integrasi Tanaman, manakala seramai lapan pekebun kecil telah menikmati Skim Integrasi Ternakan dengan Sawit.

Mah berkata kerajaan juga menggalakkan penyertaan pekebun kecil dalam gerakan koperasi melalui penubuhan Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM).

Penubuhan KPSM adalah untuk menyatukan pekebun kecil bagi menjalan-

kan aktiviti ekonomi melalui Amalan Pertanian Baik dan jualan buah sawit secara berkelompok terus ke kilang. Dalam hal ini, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.12 juta di mana RM40,000 diperuntukkan untuk penubuhan sebuah KPSM.

Sehingga Disember 2016, sebanyak 36 KPSM ditubuhkan di seluruh negara termasuk tiga di Perak iaitu di Teluk Intan, Batang Padang Selatan dan Selama. KPSM yang telah melaksanakan jualan terus buah tandan segar (BTS) ke kilang telah mencatatkan peningkatan harga jualan oleh pekebun kecil yang dianggarkan RM25 bagi setiap satu tan berbanding jualan melalui peniaga buah sawit.

Mah juga berkata dalam memastikan kemampanan industri sawit, Malaysia telah memperkenalkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

"MSPO merupakan kod undang-undang standard mengenai amalan terbaik bermula daripada penanaman sawit hingga ke pemrosesan minyak sawit dan akan dilaksanakan secara berperingkat mulai 2018," tambah beliau.

Maklumat biodiesel B10 terus disebar

Oleh FadzilGhazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi: Kempen kesedaran mengenai penggunaan biodiesel terus dilaksanakan oleh MPOB sebagai langkah meningkatkan kefahaman pengguna mengenai bahan api mesra alam ini dan bagaimana ianya mampu memberi kebaikan kepada alam sekitar dan enjin.

Bermula dengan ekspedisi kenderaan pacuan empat roda (4x4) merentasi Perak, Pahang dan Kelantan pada bulan Februari lalu, ujian terhadap enjin berkuasa tinggi turut dilaksanakan dalam satu lagi ekspedisi merentasi Sarawak, Brunei dan Sabah pada bulan lalu.

Ekspedisi 4x4 Trans Borneo ini disertai oleh 14 kenderaan dan 2 lori tangki. Kesemua kenderaan menggunakan biodiesel B10 yang merujuk kepada adunan 10% biodiesel sawit dan 90% petroleum diesel. Pada masa ini, adunan B7 dipasarkan secara komersial di seluruh negara.

Kedua-dua ekspedisi ini singgah di kawasan tanah tinggi, yang pertama di Cameron Highlands, Pahang dan kedua di Kundasang, Sabah yang bercuaca sejuk dan suhu jatuh mecah ke tahap belasan darjah Celcius. Kenderaan dibiarkan semalaman dan diuji sistem pembakaran keesokan harinya. Kesemua kenderaan berjaya dihidupkan tanpa masalah.

Beberapa lagi kempen promosi B10 sedang dalam perancangan MPOB dan akan diumumkan butirannya pada masa terdekat. Usaha ini akan membantu meningkatkan kefahaman umum mengenai B10 dan pelbagai kebaikan daripada penggunaannya.

Untuk alam sekitar, penggunaan biodiesel dapat mengurangkan kesan pemanasan global yang disebabkan oleh kenderaan penumpang.

Secara purata, sebuah kenderaan penumpang di Malaysia mengeluarkan 3.3 tan setara gas karbon dioksida. Penggunaan 1 tan biodiesel sawit mampu menghilangkan 3 tan setara gas karbon dioksida daripada dilepaskan ke ruang udara.

Kurang pelepasan karbon dioksida

Sekiranya adunan 10 peratus biodiesel dan 90 peratus petroleum diesel (B10) digunakan untuk sektor pengangkutan dan B7 untuk sektor industri sejumlah 800,000 tan diesel sawit digunakan untuk setahun dan ini akan mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida oleh 100,000 kenderaan di jalan raya.

Kejadian hujan asid yang merosakan bumi, tanaman, hutan, tasik dan sungai juga dapat dikurangkan kerana biodiesel tidak mengandungi sulfur. Hujan asid terjadi berikutan dengan pelepasan sulfur dioksida dan nitrogen oksida ke ruang udara. Petroleum diesel (Euro 2M) mengandungi sulfur sehingga 550 bahagian per juta (ppm).

Dengan menggantikan 10% diesel dengan diesel sawit untuk sektor pengangkutan dan 7% untuk sektor perindustrian, sebanyak 350,000 kg sulfur dapat dikurangkan daripada atmos-



Kenderaan ekspedisi Trans Borneo sedang diisi Biodiesel B10.

fera.

Dari segi teknikal, penggunaan B10 dapat meningkatkan kualiti udara kerana bahan api ini membakar lebih sempurna dan menghasilkan jelaga dan asap lebih rendah berbanding petroleum diesel.

Ketiadaan sulfur dalam biodiesel juga turut meningkatkan kebolehpelinciran enjin yang menggunakan biodiesel sawit.

Ini membantu mengurangkan kesan haus dan lusuh kepada komponen enjin. Biodiesel juga mempunyai angka setana (CN) yang tinggi dan ia membantu sistem pembakaran bahan api di dalam enjin.

Penggunaan B10 adalah sebahagian daripada Dasar Biobahan Api Nasional yang dilancarkan pada tahun 2006. Dasar ini mempunyai lima tujuhan iaitu Biobahan Api untuk Pengangkutan; Biobahan Api untuk Industri; Biobahan Api untuk Teknologi; Biobahan Api untuk Eksport dan Biobahan Api untuk Alam Sekitar lebih bersih.



Secara purata, sebuah kenderaan penumpang di Malaysia mengeluarkan 3.3 tan setara gas karbon dioksida. Penggunaan 1 tan biodiesel sawit mampu menghilangkan 3 tan setara gas karbon dioksida daripada dilepaskan ke ruang udara"

Pusat sehenti 1CSC komoditi dilancar di Teluk Intan

Oleh FadzilGhazali
afadzilg@mpob.gov.my

Teluk Intan: Pejabat TUNAS MPOB Teluk Intan dinaik taraf menjadi Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC) sebagai langkah menyediakan perkhidmatan dan khidmat nasihat di bawah satu bumbung untuk semua komoditi di bawah kawal selia Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata dengan wujudnya 1CSC pekebun kecil yang menguruskan kebun sawit, getah, koko ataupun lada hanya perlu berurusan dengan satu pejabat untuk merujuk urusan masing-masing.

"Pekebun kecil tidak lagi perlu ke sana, ke sini semata-mata untuk berurusan mengenai tanaman komoditi masing-masing. Dengan 1CSC semuanya berada di bawah satu bumbung dan ini merupakan satu kemudahan untuk pekebun kecil kita," tambah beliau.

Tiga 1CSC telah diwujudkan

Bagi 2016, tiga 1CSC telah diwujudkan iaitu di Sungai Petani, Kedah, Tawau, Sabah dan Betong, Sarawak.

"Manakala bagi 2017, tiga 1CSC telah dikenal pasti iaitu 1CSC di Teluk Intan, Jitra dan Lahad Datu yang bakal dilancarkan," kata beliau di sidang akhbar selepas merasmikan program Hello Komoditi Teluk Intan di sini, baru-baru ini.

Antara perkhidmatan yang di-

tawarkan di 1CSC adalah khidmat nasihat asas berkenaan semua komoditi, permohonan lesen, permohonan insentif serta bantuan, permohonan latihan dan pertanyaan serta aduan berkaitan sektor komoditi.

"Pada masa akan datang, perkhidmatan 1CSC ini akan dikembangkan ke pejabat agensi lain di seluruh negara bagi membolehkan rakyat mudah mendapat akses kepada perkhidmatan berkaitan semua komoditi di bawah MPIC," tambah beliau.

Perasmian 1CSC Teluk Intan turut dihadiri Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Zurinah Pawanteh dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.



Datuk Seri Mah Siew Keong bergambar di hadapan Pejabat Tunas Teluk Intan yang dinaik taraf menjadi Pusat Khidmat 1Komoditi.

23RD MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR AND EXHIBITION

2017

Tuesday, 11 July 2017
MPOB Head Office, Bangi

To be officiated by
YB Datuk Seri Mah Siew Keong
Minister of Plantation Industries and
Commodities

REGISTER NOW!

Technologies and services offered:

- > Plantation
- > Biotechnology
- > Milling and processing
- > Oleochemical
- > Food Technology

Launch of the new technologies and services

Exhibition on new products and services

ENQUIRIES

Rubaah Masri
03-8769 4567
rubaah@mpob.gov.my

Salmah Hussin
03-8769 4873
salmah@mpob.gov.my

Malaysian Palm Oil Board
6, Persiaran Institusi Bangi
43000, Kajang, Selangor
www.mpos.gov.my

Pertahan kepentingan sawit di CCFO

➔ Lebih 100 delegasi, 41 negara hadir mesyuarat

Oleh **Dr. Elina Hishamuddin**
elina@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Mesyuarat Antarabangsa Sesi Ke-25 Codex Committee on Fats and Oils (CCFO) yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Noraini Dato' Mohd Othman berlangsung di sini, baru-baru ini.

Lebih 100 delegasi dari 41 negara ahli seluruh dunia serta satu pertubuhan ahli dan tujuh pertubuhan antarabangsa yang bertindak sebagai pemerhati menghadiri mesyuarat kali ini.

Mesyuarat CCFO diadakan dua tahun sekali dan ini merupakan kali kelima Malaysia menjadi negara hos bagi mempengerusikan mesyuarat CCFO selepas mengambil alih CCFO dari United Kingdom bermula tahun 2009.

CCFO merupakan jawatankuasa di bawah Codex Alimentarius Com-

mission (CAC), sebuah badan di bawah naungan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang bertanggungjawab menyediakan piawaian antarabangsa bagi minyak dan lemak sayuran, haiwan dan marin termasuk marjerin dan minyak zaitun.

Piawaian-piawaian ini menjadi rujukan pihak berkuasa di seluruh dunia dalam memastikan keselamatan minyak dan lemak dalam perdagangan antarabangsa.

Mesyuarat kali ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah mewakili Menteri Kesihatan Malaysia.

Katanya, kemajuan dalam teknologi pengeluaran serta peningkatan dalam pengeluaran, perdagangan dan pengambilan minyak dan lemak di seluruh dunia, akan meningkatkan keperluan untuk CCFO membangunkan dan mengemas-kini piawaian minyak dan lemak.

Keperluan Codex

Beliau turut menekankan kepentingan Codex dalam melindungi kesihatan manusia sejagat dan memastikan amalan perdagangan adil serta menyatakan komitmen Malaysia terhadap usaha Codex secara amnya dan CCFO secara khususnya.

Delegasi Malaysia ke CCFO diketuai oleh Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr. Ahmad Kushairi Din



Dr. Ahmad Kushairi Din bergambar bersama sebahagian delegasi Malaysia yang menghadiri Mesyuarat Codex Lemak dan Minyak Antarabangsa di Kuala Lumpur.

bersama 12 delegasi terdiri pegawai kanan MPOB, KKM, Agensi Regulatori Farmasi Negara serta wakil Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM), Pertubuhan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), dan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM).

Delegasi Malaysia membawa mandat besar ke mesyuarat tersebut bagi menjaga dan memastikan kepentingan industri lemak dan minyak negara terjamin, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan minyak sawit.

Antara isu yang dibincangkan di mesyuarat berkenaan ialah kertas kerja bagi penyemakan semula piawai minyak sayuran Codex (CODEX STAN 210:1999) yang terkini bagi penambahan minyak sawit dengan kandungan asid oleik tinggi (OxG), pindaan parameter kualiti minyak kacang tanah dan minyak bunga matahari.

Perbincangan turut diadakan mengenai deraf piawaian minyak ikan, pindaan nilai campesterol bagi piawaian minyak zaitun, dan penambahan minyak sekam beras mentah (crude rice bran oil) serta

minyak-minyak kacang iaitu badam, walnut, hazel, pistacio, biji flaks dan alpukat ke dalam piawaian minyak sayuran Codex.

Pada mesyuarat kali ini, cadangan Malaysia bagi menggantikan nilai asid kepada asid lemak bebas (FFA) bagi minyak sawit mentah dan penambahan nilai FFA bagi minyak isirung sawit mentah ke dalam piawaian minyak sayuran Codex dibincangkan dan mendapat sokongan dari 15 buah negara termasuk negara pengeluar minyak sawit dunia yang lain dan negara pengimport antaranya Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

MPOB sebar maklumat sawit di Tanzania

Oleh **Isa Mansor dan Hisham Hussain**
ibm@mpob.gov.my,
hishamhussain@mpob.gov.my

Dar es Salaam, Tanzania: MPOB menganjurkan Seminar Teknikal MPOB (MTecS) di Hotel Hyatt Regency, The Kilimanjaro, di sini baru-baru ini.

Program adalah hasil usaha sama MPOB dengan Tanzania Chamber of Commerce, Industry and Agriculture (TCCIA) dan Zanzibar Chamber of Commerce, Industry and Agriculture (ZNCCIA) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tanzania.

Program yang dijayakan sempena ulang tahun industri sawit ke-100 bertapak di Malaysia adalah bertemakan "Minyak Sawit Berkualiti Tinggi Bersama MPOB".

Objektif utama seminar adalah untuk menyebarkan maklumat terkini tentang perkembangan industri sawit Malaysia dan aplikasi produk sawit yang terbaharu dalam produk makanan, bukan makanan dan makanan haiwan.

Disamping itu, seminar peringkat antarabangsa ini merupakan landasan bagi mengukuhkan hubungan di antara pihak industri Malaysia termasuklah dari MPOB dengan pihak kerajaan, industri dan

universiti yang berkepentingan dalam sektor sawit di Tanzania.

Seminar ini secara tidak langsung dapat memberi maklumat secara terus berkenaan industri sawit Malaysia khususnya dalam penguatkuasaan standard dan struktur cukai yang dilaksanakan di Malaysia.

MTecS Tanzania dirasmikan Presiden ZNCCIA, Toufiq Salim Turki dan turut dihadiri Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian dan Pengurus Serantau MPOB Afrika, Isa B. Mansor.

Tarik minat 100 peserta

Seminar berkenaan berjaya menarik minat lebih 100 peserta terdiri wakil agensi-agensi kerajaan seperti Penguatkuasa Hasil Cukai Tanzania dan Suruhanjaya Standard Tanzania yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sistem penguatkuasaan kualiti dan cukai yang dijalankan di Malaysia.

Selain itu, wakil penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Tanzania juga hadir untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan kemajuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor penanaman sawit dan produk sawit yang dijalankan oleh MPOB di Malaysia dan seluruh dunia.

Toufiq Salim dalam ucapan perasmian berkata, penyertaan pihak yang terbabit dalam industri minyak dan lemak menunjukkan minat dan komitmen untuk memajukan industri tersebut di Tanzania.

Katanya, program seumpama ini dapat memperkembangkan lagi pasaran produk sawit Malaysia di Tanzania dengan mempromosikan produk sawit melalui pendekatan teknikal hasil R&D oleh MPOB.

"Tanzania menawarkan prospek pasaran yang besar dalam industri sawit dan saya berharap dengan adanya usaha seperti ini yang dijalankan oleh pihak MPOB, ia dapat memberi maklumat teknikal yang lebih komprehensif kepada peserta dan seterusnya meningkatkan pengetahuan minyak sawit Malaysia dan pelbagai produk terutamanya produk pencuci dan sabun yang dihasilkan daripada sawit.

"Program ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran mengenai kemajuan industri dan teknologi sawit yang telah dicapai oleh Malaysia yang dibina selama 100 tahun. Oleh itu, pihak yang berkaitan haruslah mengambil kesempatan ini untuk mempelajari tentang kejayaan Malaysia di dalam industri sawit" katanya.

PIPOC 2017

**TREASURING THE PAST
CHARTING THE FUTURE**

14-16 NOVEMBER 2017
Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur, Malaysia

Book your place now to make sure you will be one of them in 2017!

For more information, please contact:
pipoc2017@mpob.gov.my
or visit MPOB website at www.mpob.gov.my

THE PREMIERE OIL PALM EVENT IS BACK!

Usaha R&D biojisim dipuji

➔ Tsinghua University buka ruang penyelidikan kelestarian

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

► Bangi

MPOB baru-baru ini menerima kunjungan delegasi Tsinghua University, China yang diiktiraf sebagai antara sepuluh universiti terbaik dunia yang diketuai oleh Profesor Wei Yen, Profesor Jabatan Kimia universiti itu.

Kunjungan disambut oleh Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din, bersama timbalannya, Dr. Lim Weng Soon di Ibu Pejabat MPOB, di sini.

Dalam kunjungan yang turut disertai pihak Sin Chew Daily dan Rimbunan Hijau, Dr. Kushairi sempat berkongsi mengenai latar belakang MPOB selaku organisasi yang memainkan peranan signifikan dalam industri sawit Malay-

sia terutamanya aspek penyelidikan sawit.

Beliau menekankan penyelidikan MPOB adalah menyeluruh meliputi pencarian jalan penyelesaian dalam mengatasi masalah yang dihadapi industri berpaksikan kepada konsep serampang tiga mata atau 3P (People, Planet, Profit) yang dipraktikkan.

Hasil 600 teknologi

Justeru, dalam memacu perkembangan industri sawit, MPOB komited dalam menghasilkan teknologi yang versatil dan mempunyai nilai komersial yang tinggi mengikut permintaan industri.

Setakat 2016, MPOB menghasilkan lebih 600 teknologi yang merangkumi kaedah dan sistem perladangan, mekanisasi ladang, perlindungan tanaman, bioteknologi, produk berasaskan kayu, kilang dan pemrosesan, makanan haiwan ternakan, produk makanan,



Dr Ahmad Kushairi Din menghadaikan buku terbitan MPOB kepada Profesor Wei Yen dari Tsinghua University, China.

fitonutrien, nutrasetikal, produk-produk oleokimia termasuk sumber tenaga yang mesra alam.

Katanya, daripada jumlah teknologi yang dihasilkan, sebanyak 30 peratus telah dikomersialkan oleh pihak industri sawit dan usahawan tempatan.

Pencapaian MPOB dalam mengkomersialkan teknologi yang dihasilkan mendapat pujian daripada delegasi lawatan kerana kecemerlangan MPOB dalam memasarkan produk penyelidikan yang mempunyai daya saing dan memenuhi kehendak industri pada masa kini.

Usaha gigih MPOB dalam mengangkat industri sawit ke tahap yang lebih tinggi di mata dunia telah dikenali seluruh dunia. Pelbagai

pengiktirafan diterima dari dalam dan luar negara hasil inovasi dan penyelidikan yang dilaksanakan.

Usaha hijau MPOB dipuji

Dalam pertemuan itu juga, Profesor Wei Yen turut memuji usaha hijau MPOB yang berterusan dalam penyelidikan teknologi biojisim yang mampu mentransformasi sisa buangan sawit kepada sumber yang boleh diperbaharui, termasuk sumber tenaga.

Beliau bersetuju dengan konsep sifar sisa (zero waste) diperkenalkan MPOB yang merangkumi penggunaan secara maksimum tanaman sawit. Ini termasuklah memanfaatkan setiap sisa sawit seperti dahan, pelepah, tandan

kosong, dan tempurung bagi penerbitan kuasa di kilang-kilang, menghasilkan baja, perabot dan makanan bagi haiwan ternakan.

Di akhir pertemuan tersebut, Profesor Yuen turut meluahkan hasrat untuk berkolaborasi bersama MPOB pada masa akan datang khususnya dalam penyelidikan biojisim dan menyifatkan pertemuan tersebut sebagai langkah pertama beliau menjalin kerjasama dengan MPOB.

Delegasi turut dibawa melawat ke fasiliti penyelidikan MPOB dan Galeri Sawit bagi mendapat pendedahan berkenaan industri secara menyeluruh termasuk sejarah dan perkembangan industri sawit di sektor huluan dan hiliran.

Bahron tabah tempuh cabaran sebelum berjaya

Oleh Hasmiza Desa
hasmiza@mpob.gov.my

Md Bahron Selamat, 61, adalah antara yang terawal mengusahakan tanaman sawit sepenuh masa di Rengit, Pontian pada awal tahun 1990an.

Pada masa itu, pekebun kecil sawit berdepan dengan halangan dan cabaran terutama bagi mendapatkan anak benih berkualiti dan kesukaran tempat penjualan buah tandan segar (BTS) yang terhad jika dibandingkan pada masa ini pekebun kecil sawit banyak mendapat bantuan dari kerajaan seperti skim bantuan tanam semula, skim bantuan tanaman integrasi dan sebagainya.

Bahron yang berkongsi pengalaman beliau semasa mula melibatkan diri dalam perladangan sawit berkata, beliau sukar mendapat maklumat dan khidmat nasihat berkenaan penanaman sawit.

“Namun begitu, sekarang saya mendapat banyak khidmat nasihat berkaitan sawit daripada pegawai TUNAS MPOB.

Beliau menanam mengikut syor yang dicadangkan MPOB iaitu menggunakan sistem tanaman tiga segi dan mempraktikkan amalan

pertanian yang baik (GAP) seperti menyimpan buku rekod ladang.

Pembajaan pokok sawit dilakukan secara sistematik sebanyak empat kali setahun dan menuai hasil sawit sebanyak dua kali dalam sebulan. Hasil BTS yang direkodkan adalah sebanyak 32.49 tan/ha pada tahun 2013, 34.42 tan/ha pada tahun 2014 dan 32.75 tan/ha pada tahun 2015.

Selain terlibat sawit, Bahron turut mengusahakan tanaman kelapa matag dan pisang berangan, selain mempunyai tiga lot kedai dan mempunyai rumah inap desa.

Pemenang Anugerah Industri Sawit 2016 kategori pekebun kecil daripada MPOB turut aktif dalam aktiviti kemasyarakatan selain menjadi mentor skim kredit ladang terselia dari Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) dan Ahli Kelab 30 Tan MPOB.

Beri bimbingan, galakan

Kini, beliau banyak memberi bimbingan dan galakan kepada anak muda kampung setempat untuk melibatkan diri dalam perladangan sawit bagi meneruskan usaha dalam memastikan pekebun kecil persendirian juga mampu bersaing dan menguruskan sawit dengan baik dibantu oleh teknologi



Bahron ketika bekerja di kebun sawit milik beliau.

sedia ada bagi meningkat hasil BTS serta mengikut piawaian yang telah digariskan seperti pensijilan GAP.

Falsafah hidup beliau ‘berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian’ dipe-

gang erat dan kini usaha gigih beliau yang tidak kenal putus asa telah menunjukkan hasil dan beliau sekeluarga dapat menikmati kesejahteraan dan kesenangan.

Beliau yang berpeluang belajar hingga darjah tiga sahaja mengakui semangat ingin berjaya dan

mahu mengubah kehidupan yang lebih baik mengatasi kekurangan kelayakan di atas kertas.

Berkat kesungguhan dan kegigihan beliau kini adalah antara pengusaha sawit yang berjaya di Kampung Parit Tengah Sri Ladang, Rengit.



Minyak sawit sesuai untuk hasilkan produk makanan.

Minyak sawit bebas lemak trans

➔ Ramai pengeluar buat pertukaran kepada minyak sawit Malaysia

Food and Drug Administration (FDA) Amerika Syarikat telah memberhentikan penggunaan minyak sayuran separa hidrogenasi – sumber utama yang menghasilkan lemak trans, pada bulan Jun 2015.

Pengambilan lemak trans boleh meningkatkan tahap kolesterol LDL (yang tidak baik) di dalam darah, di mana boleh meningkatkan risiko penyakit kardiovaskular.

Sejak FDA memberikan pengeluar makanan tempoh selama tiga tahun untuk mengeluarkan bahan yang tidak sihat ini dari produk mereka, ramai pengeluar telah membuat pertukaran kepada minyak sawit Malaysia yang telah menerima pensijilan mampan.

Minyak sawit yang dipersijilkan mampan secara semulajadinya bebas dari lemak trans, tidak mengandungi GMO dan sarat dengan nutrien – kualiti yang penting bagi ramai pengguna hari ini.

Apakah minyak terhidrogen dan mengapa pengeluar menggunakannya?

Sangat merbahaya

Apabila 'makanan rendah lemak' mula menjadi satu trend, lemak tepu telah dipinggirkan kerana pengeluar merasakan mereka perlu menggantikan bahan yang mengandungi lemak tepu dengan sesuatu yang mempunyai kualiti yang serupa dan dapat memberikan tekstur berkrim dan mempunyai jangka hayat yang panjang.

Mereka mendapati dengan melalui proses penghidrogenan, minyak cecair boleh bertukar menjadi pepejal dan tahan lebih lama. Walau bagaimanapun, proses ini juga menghasilkan lemak trans yang telah disahkan sangat merbahaya oleh para doktor.

Minyak sawit Malaysia adalah alternatif semula jadi kepada lemak trans

Pakar-pakar kesihatan dan pengusaha makanan telah mengenal pasti bahawa minyak sawit Malaysia yang diperakui dan mempunyai sijil mampan merupakan pengganti lemak terhidrogen yang amat sesuai kerana



ia mempunyai khasiat kesihatan yang baik, fungsi yang meluas dan kualiti kemampunan yang tinggi.

Minyak sawit Malaysia:

- Tidak mengandungi GMO dan bebas lemak trans
- Mengandungi Vitamin E-tokotrienol semula jadi
- Mempunyai asid lemak tepu dan tak tepu yang seimbang
- Versatil untuk aplikasi produk makanan dan bukan makanan

Minyak sawit Malaysia yang dipersijilkan mampan membekalkan makanan kepada penduduk dunia

Dengan peningkatan populasi dunia yang semakin mendadak, daripada 1.6 bilion orang kepada lebih daripada enam bilion dalam abad ke-20, bekalan makanan yang selamat, berkhasiat dan mencukupi untuk setiap orang, tanpa merosakkan alam sekitar, amatlah dititik beratkan.

Tanaman sawit telah diiktiraf sebagai salah satu tanaman yang paling mampan.

Minyak sawit dihasilkan dari buah yang berasal dari pokok yang sentiasa mengeluarkan hasil sepanjang hayat.

Ia tidak perlu ditanam setiap tahun seperti soya, canola, biji sawi atau jagung.

Tanaman sawit juga mengeluarkan hasil yang lebih tinggi berbanding dengan tanaman lain yang menghasilkan minyak sayuran.

Satu ekar tanaman sawit dapat mengeluarkan 11 kali lebih banyak minyak berbanding tanaman soya dan tujuh kali lebih banyak berbanding canola.

WIN A TRIP TO EXOTIC MALAYSIA!

100 ANNIVERSARY
MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY 1917 - 2017

MPOC is organising an online contest in celebration of the 100-year anniversary of Malaysian Palm Oil industry. Stand a chance to win a once-in-a-lifetime trip to Peninsular Malaysia and Borneo.

www.mpo100years.org

[MPO100Years](https://www.facebook.com/MPO100Years)

Teknologi mekanisasi tingkat produktiviti, tambah pendapatan

Industri sawit adalah tonggak sektor pertanian negara dan menyumbang 5.1% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KPNK). Hampir 42% daripada tanaman sawit adalah diusahakan oleh pekebun kecil. Industri sawit negara masih ada yang berorientasikan buruh terutamanya bagi aktiviti penuaian dan pembajaan. Penggunaan teknologi mekanisasi dalam sektor ini dijangka mampu meningkatkan produktiviti dan menambah pendapatan.

Mekanisasi pertanian boleh ditakrifkan sebagai pengenalan dan penggunaan alat bantuan yang bersifat mekanisasi untuk melaksanakan operasi pengeluaran hasil pertanian. Ini termasuk semua jenis alat atau kelengkapan yang digerakkan oleh tenaga manusia, haiwan, tenaga elektrik, enjin dan sumber tenaga yang lain.

Teknologi mekanisasi dihasilkan bertujuan untuk meningkatkan produktiviti tenaga kerja, meningkatkan kualiti bahan dan mengurangkan kos pengeluaran. Penggunaan alat atau jentera dalam proses pengeluaran sawit misalnya dapat mengurangkan beban kerja petani, meningkatkan keberkesanan produktiviti, hasil yang lebih berkualiti dan sudah pasti membantu meningkatkan pendapatan petani dan pendapatan negara.

Menyedari kepentingan teknologi mekanisasi dalam industri sawit negara, kerajaan telah menyediakan dana khas dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) bagi



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Puteri Na'ilah Mohd Nor
SMA Syubbaniah
Batu Kurau, Perak

meningkatkan produktiviti dan penggunaan jentera dalam operasi lapangan dikenali sebagai Skim Insentif Jentera Industri Kelapa Sawit (OPIMIS). Dana tersebut disalurkan melalui MPOB. Adalah diharapkan dana tersebut dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh dan meningkatkan produktiviti.

MPOB telah melabur dalam pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke arah menghasilkan peralatan bagi mengurangkan kebergantungan ke atas tenaga buruh. Antara peralatan mekanisasi yang sudah dihasilkan termasuk Cantas (alat penuaian buah tandan segar bermotor). Beluga, Rhyno dan Grabber (mesin pengangkutan buah tandan segar) untuk digunakan di ladang sawit.

Dana Mekanisasi Sawit

pula ditubuhkan oleh Kementerian Perladangan dan Komoditi membabitkan sumbangan permulaan kerajaan berjumlah RM30 juta dan mengharapkan sumbangan sektor swasta sebanyak RM5 juta. Dana tersebut juga diwujudkan bagi memacu aktiviti mekanisasi bagi meningkatkan kualiti minyak sawit negara. Antaranya ialah bagi membiayai aktiviti penyelidikan dalam dan luar negara, perolehan teknologi bersesuaian untuk kegunaan industri sawit serta pengubahsuaian peralatan dan penganjuran pertandingan atau program berkaitan.

Inisiatif tersebut menunjukkan bahawa pihak kerajaan memberi penekanan kepada usaha menjana pendapatan petani dan pendapatan negara. Pihak kerajaan juga menyeru pemain-pemain industri agar lebih komited dan menggiatkan lagi kegiatan penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan teknologi mekanisasi terkini.

Usaha ini selaras dengan cabaran wawasan 2020 iaitu berupaya mencipta teknologi. Walau bagaimanapun canggih sekalipun teknologi dicipta, tidak memberi apa-apa faedah jika tidak digunakan oleh petani dan peladang. Oleh itu para petani dan peladang perlu memanfaatkan teknologi mekanisasi yang dihasilkan kerana peralatan dan jentera tersebut dicipta semata-mata mahu meningkatkan produktiviti pengeluaran dan menambah pendapatan mereka.

Pengkomersialan teknologi bantu rancakkan kemajuan industri sawit negara

Pengkomersialan teknologi sememangnya diakui mampu merancakkan kemajuan industri sawit selari dengan status negara Malaysia sebagai negara pengeluar terbesar sawit dunia. Malah, seantero dunia hari ini telah banyak mengiktiraf hasil sawit keluaran negara.

Perkara ini diukur berdasarkan peningkatan permintaan minyak sawit negara yang amat membebangsakan saban tahun justeru membuktikan secara jelas bahawa penerimaan dunia terhadap hasil sawit Malaysia sememangnya tidak dinafikan lagi.

Kerancangan kemajuan industri sawit hari ini banyak didasari oleh hasil usaha bersungguh-sungguh pihak MPOB dengan agensi-agensi lain yang sentiasa berusaha untuk mengkomersialkan teknologi sawit yang negara miliki.

Bahkan, perkara ini secara tidak langsung telah meningkatkan kepercayaan masyarakat dunia amnya dan masyarakat negara kita khususnya tambahan pula menjadikan minyak sawit Malaysia semakin gah di persada dunia global.

Walaupun dunia sekarang ini menyaksikan ekonomi negara mengalami kelembapan ekoran faktor ekonomi dunia yang tidak menentu sejak akhir-akhir ini, namun pengkomersialan teknologi sawit tetap juga diaplikasikan.

Hal ini agar industri sawit negara tidak terkesan dengan sebarang bentuk cabaran ekonomi mahu pun



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Noraini Ismail
Dungun, Terengganu

cabaran fizikal yang mendatang.

Kesan daripada itu, penggunaan teknologi dalam industri sawit telah berjaya melonjakkan industri sawit setanding industri-industri komoditi yang lain.

Yang paling nyata, kerancangan kemajuan industri sawit sejak kebelakangan ini adalah hasil daripada suntikan pelbagai inovasi dan pengkomersialan yang dilakukan MPOB sambil dibantu oleh agensi seperti MPIC, Felda dan beberapa agensi kerajaan yang lain lagi.

Gabungan ini telah membentuk satu sinergi yang mantap dalam usaha melonjakkan industri sawit ke tahap yang boleh dibanggakan sepanjang tahun.

Lazimnya, pengkomersialan industri sawit berkait rapat dengan elemen serta suntikan inovasi. Secara umumnya, inovasi adalah merupakan asas terpenting dalam meningkatkan

kepercayaan serta menarik minat mengguna pakai hasil sawit keluaran negara sendiri.

Daripada situ ia secara tidak langsung merancakkan lagi kemajuan industri sawit negara seperti dalam aspek kepelbagaian pengkomersialan menerrusi inovasi yang diterapkan melalui aktiviti berterusan R&D MPOB saban tahun. Dengan itu, pengkomersialan teknologi sawit telah mewujudkan kepercayaan dan penerimaan masyarakat dunia global terhadap produk atau hasil sawit keluaran negara.

Pengkomersialan sawit negara juga menghasilkan minyak sawit merah yang menyihatkan. Minyak sawit merah diakui mengandungi pelbagai vitamin seperti vitamin E, antioksidan dan fitonutrien yang amat bagus untuk kesihatan pengguna malah dapat mencegah pelbagai penyakit.

Tidak cukup dengan itu, pengkomersialan teknologi sawit juga telah menjenamakan kembali inovasi sawit negara sehingga menghasilkan pelbagai bahan atau produk berasaskan sawit seperti dakwat berasaskan sawit, pencuci beras sawit, marjerin dan krim sawit, aiskrim daripada minyak sawit, santan sawit serta pelbagai produk lain.

Sebagai kesimpulan, pengkomersialan teknologi sawit berjaya membawa kemajuan dalam industri sawit negara khususnya dalam menerajui kesedaran masyarakat dunia global untuk memilih produk sawit keluaran Malaysia.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN APRIL 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Bantuan kerajaan bantu tingkat pendapatan pekebun kecil. Bincangkan".

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Pekebun kecil raih pendapatan tambahan melalui bantuan kerajaan. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan MEI 2017 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Mac 2017

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Puteri Na'ilah Mohd Nor
SMA Syubbaniah
Batu Kurau, Perak

Hadiah Kedua
Nor Athirah Mt Isa
SMA Syubbaniah
Batu Kurau, Perak

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Noraini Ismail
Dungun,
Terengganu

Hadiah Kedua
Noraidalina Samad
Batu Pahat,
Johor

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas
- ◎ Bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 24 April 2017
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menandatangani plak sebagai simbolik perasmian Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC) Teluk Intan, Perak. Turut hadir ialah Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Zurinah Pawanteh.



Datuk Seri Mah Siew Keong ketika melawat pavilion pameran MPOB sempena POC 2017 di Kuala Lumpur. Turut sama ialah Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din.



Datuk Seri Mah Siew Keong menyertai demonstrasi memasak menggunakan produk sawit sempena Program Hello Komoditi Teluk Intan.



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur serta Datuk Seri Ahmad Hamzah mendengar penerangan mengenai baka sawit daripada Dr. Ahmad Kushairi Din ketika melawat pameran yang diadakan sempena Perasmian Stesen Penyelidikan MPOB Belaga, Sarawak.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur melepaskan peserta ekspedisi Biodiesel B10 Trans Borneo bagi perjalanan dari Belaga, Sarawak merentasi Brunei dan berakhir di Kundasang, Sabah.